

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS,

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN WONG CHEN [SUBANG]

SOALAN

TUAN WONG CHEN [SUBANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan persetujuan Kerajaan untuk membentuk Jawatankuasa Pilihan Khas Jabatan Menteri yang diseru oleh Parlimen, di mana Menteri harus bertanggungjawab secara langsung kepada jawatankuasa pilihan khas masing-masing. Jika ya, berikan garis masa untuknya.

JAWAPAN : YB DATUK LIEW VUI KEONG
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam usaha-usaha ke arah mengembalikan wibawa institusi Parlimen, sebanyak enam (6) Jawatankuasa Pilihan Khas (*Special Select Committee*) telah ditubuhkan sebagai perintis berdasarkan kepentingan dan hala tuju negara yang telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat pada Khamis, 16 Ogos 2018 semasa Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama, Parlimen Keempat Belas.

2. Penubuhan Jawatankuasa-jawatankuasa Pilihan Khas ini adalah supaya wujudnya satu sistem mekanisme semak dan imbang serta pengawasan (*oversight*) yang lebih menyeluruh, di samping memupuk nilai akauntabiliti dalam ketiga-tiga cabang Kerajaan: Eksekutif, Perundangan dan Kehakiman di bawah satu badan yang bebas dan bipartisan yang diletakkan di bawah kawal selia Parlimen Malaysia. Penubuhan

NO. SOALAN : 466

Jawatankuasa-jawatankuasa Pilihan Khas ini juga adalah selari dengan amalan Parlimen di negara-negara luar dan sejajar dengan *Recommended Benchmarks for Democratic Legislators, Commonwealth Parliamentary Association* (CPA).

3. Penubuhan Jawatankuasa Pilihan Khas ini dilaksanakan berdasarkan kesesuaian dengan kehendak dan keperluan semasa dan bukannya mengikut tanggungjawab Kementerian atau Jabatan.

Sekian, terima kasih.